

28 JUL 1997

Muhyiddin-Kitplane

CAWANGAN PERSATUAN PESAWAT EKSPERIMEN DI SETIAP NEGERI

KUALA LUMPUR, 28 Julai (Bernama) -- Persatuan Pesawat Terbang Eksperimen Malaysia (MEAA) akan menubuhkan cawangannya di setiap negeri sebagai usaha meningkatkan minat generasi muda dalam aktiviti rekreasi udara.

Menteri Belia dan Sukan Tan Sri Muhyiddin Yassin hari ini berkata Kementerian itu akan membantu MEAA menubuhkan cawangan di samping terus memberi sokongan kepada penubuhan kelab penerbangan di kalangan belia di bawah pelan pembangunan rekreasi udara program Rakan Muda.

"Kementerian juga akan bekerjasama dengan Jabatan Penerbangan Awam untuk mengenalpasti laluan udara yang sesuai dijadikan pusat kegiatan rekreasi Rakan Muda," katanya pada majlis pelepasan rasmi "The Great Malaysian Air Rally" dan pelancaran pesawat terbang eksperimen Rakan Muda oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini.

Di bawah peraturan Experimental Aircraft Association (EAA) antarabangsa, sekurang-kurangnya 10 anggota EAA diperlukan di setiap kawasan sebelum sebuah cawangan boleh ditubuhkan. Setakat ini hanya dua cawangan EAA telah ditubuhkan iaitu Chapter 1090 di Kuala Lumpur dan Chapter 1130 di Langkawi.

Mengenai Kitplane yang dilancarkan Perdana Menteri hari ini, Muhyiddin berkata pesawat terbang itu dibina sendiri oleh tujuh belia tempatan di bawah program pembangunan rekreasi udara Rakan Muda.

"Mereka yang terlibat menjayakan projek Kitplane Rakan Muda ini telah mendapat latihan pendedahan di Oshkosh, Amerika Syarikat selama lima minggu dan berjaya menyiapkannya bertepatan dengan majlis ini untuk dilancarkan," katanya.

Kitplane yang dilancarkan hari ini didaftarkan dengan nama "ERM" atau Eksperimen Rakan Muda dan akan turut menyertai Konvensyen dan Pameran Fly-In Oshkosh East di Langkawi bermula dari 4 hingga 8 Ogos depan.

Sementara itu, 20 pesawat ringan daripada pelbagai negara yang dilepaskan Dr Mahathir memulakan kembara mereka ke beberapa negeri di Semenanjung Malaysia sebelum menyertai acara di Langkawi pada 4 Ogos.

Sebanyak 50 pesawat ringan yang lain akan menyertai "rally" itu di Alor Setar dan dianggarkan lebih 100 pesawat akan berkumpul di Langkawi sempena konvensyen itu. -- BERNAMA

HJ oba